

MAHATHIR-MOTOR 余'余'余'余'  
(1)

1980

PULAU PINANG, 18 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA ASEAN MENGUMPULKAN SUMBER MEREKA DAN MENEMBUSI PERUSAHAAN KENDERAAN BERMOTOR YANG SELAMA INI DIMONOPOLI OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

KATANYA, DENGAN PASARAN ASEAN YANG DISATUKAN, UPAH PEKERJA YANG AGAK RENDAH DAN SUMBER TENAGA YANG BANYAK, NEGARA ANGGOTA ASEAN BOLEH MENYAINGI NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERUSAHAAN KENDERAAN BERMOTOR TELAH MENJADI PERUSAHAAN UTAMA DI DUNIA DAN PALING PENTING KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU SEPerti JEPUN DAN AMERIKA SYARIKAT.

+BAGI NEGARA-NEGARA ASEAN, PERUSAHAAN ITU MASIH BELUM DITEROKAI KECUALI BARU-BARU INI.

+KITA MENGHADAPI PERSAINGAN DARI NEGARA-NEGARA MAJU YANG MEMPUNYAI TEKNOLOGI TINGGI, PASARAN YANG MAJU DAN PENGALAMAN LAMA DALAM PERUSAHAAN ITU, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN AUTOMATIF ASEAN KELIMA DI RASA SAYANG HOTEL DI SINI. PARA WAKIL DARI INDONESIA, NEGERI THAI, SINGAPURA, FILIPINA DAN MALAYSIA MENGHADIRI SIDANG DUA HARI ITU. — BERSAMBUNG 1320/LK

MAHATHIR-MOTOR 2 PULAU PINANG

81

MENURUTNYA, ASEAN MEMPUNYAI KEDUDUKAN LEBIH BAIK KERANA NEGARA-NEGARA MAJU SÉDANG MENGHADAPI KENAIKAN KOS PENGELUARAN BERIKUTAN KENAIKAN HARGA MINYAK, UPAH PEKERJA YANG TINGGI DAN MASALAH INFLASI.

KATA BELIAU SENARAI PERTAMA BARANG-BARANG AUTOMATIF DI BAWAH PROJEK SALING MELENGKAPI TELAH DIPERSETUJUI DALAM MESYUARAT MENTERI-MENTERI PERINDUSTRIAN ASEAN YANG DIADAKAN DI BALI BULAN LALU.

BELIAU MENGGESA SYARIKAT-SYARIKAT BERKENAAN SUPAYA MENKKAJI PELUANG PASARAN BAGI BARANG-BARANG MEREKA.

KATANYA, ADALAH PENTING BAGI KERAJAAN-KERAJAAN NEGARA ASEAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH KHAS TERTENTU BAGI MENENTUKAN KEMANTAPAN USAHA SALING MELENGKAPI ASEAN DALAM PERUSAHAAN KENDERAAN BERMOTOR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYARANKAN LANGKAH-LANGKAH TERSEBUT BOLEH MENYERUPAI DASAR-DASAR PERLINDUNGAN YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

APA YANG PENTING IALAH MEMBEDAKAN IMPORT ASEAN DENGAN BUKAN ASEAN MENERUSI PERJANJIAN TARIF ATAU BUKAN TARIF, KATA BELIAU.

SATU LAGI PERKARA YANG HARUS DITIMBANGKAN IALAH PERKAKAS PASANG SIAP ATAU CKD DIKENAKAN DUTI IMPORT YANG LEBIH RENDAH BERBANDING DENGAN ALAT GANTI. — BERSAMBUNG 1350/LK

MAHATHIR - MOTOR 3 PULAU PINANG

MENGEQUALIKAN ALAT KOMPONEN DARI BUNGKUSAN CKD AKAN HANYA MENYEBABKAN PENALTI KOS KERANA ELAUN PENGEQUALIAN YANG LEBIH RENDAH DAN DUTI IMPORT YANG LEBIH TINGGI KE ATAS ALAT KOMPONEN YANG DIIMPORT DARI NEGARA ASEAN.

INI TIDAK AKAN MENGGALAKKAN PIHAK PEMASANG MENGIMPORT ALAT KOMPONEN DARI NEGARA-NEGARA ANGGOTA KECUALI ALAT-ALAT TERSEBUT DIBERI PENGIKTIRAFAN SEBAGAI BAHAN TEMPATAN ATAU DIBERI KEUTAMAAN DUTI.

BELIAU BERKATA DALAM HAL INI JAWATANKUASA PERINDUSTRIAN, GALIAN DAN TENAGA (COIME) DALAM MESYUARATNYA DI BALI TELAH MENCADANGKAN SUPAYA KUMPULAN PERUNDINGAN AUTOMATIF DITUBUHKAN UNTUK MENGGALAK DAN MENYELARAS DAGANGAN YANG LEBIH BERKESAN DAN SALING MELENGKAPI DALAM BIDANG ALAT-ALAT AUTOMATIF.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MAHU PERTUKARAN ALAT AUTOMATIF DI KALANGAN NEGARA ANGGOTA ASEAN DIADAKAN DENGAN SEGARA.

+SAYA BERSEEDIA MELUASKAN STATUS BAHAN TEMPATAN KE ATAS KOMPONEN DARI NEGARA ASEAN LAIN DENGAN PERSEFAHAMAN MEREKA MEMBERI PENGIKTIRAFAN YANG SAMA, + KATANYA.

— BERNAMA 1410/YF